



MAJLIS PERBANDARAN  
SUNGAI PETANI KEDAH  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN



# PELAN STRATEGIK

MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI KEDAH

## 2023-2027

# ISI KANDUNGAN

|       |                                    |
|-------|------------------------------------|
| 01    | Perutusan                          |
| 02    | Ringkasan Eksekutif                |
| 03    | Sejarah MPSPK                      |
| 04    | Kawasan Pentadbiran MPSPK          |
| 05    | Logo MPSPK                         |
| 06-07 | Carta Organisasi                   |
| 08    | Fungsi                             |
| 09    | Peranan                            |
| 10    | Punca Kuasa                        |
| 11    | Pihak Berkepentingan dan Pelanggan |
| 12    | Visi, Misi                         |

# ISI KANDUNGAN

|       |                                                                                                                                                         |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 13    | Nilai Bersama MPSPK                                                                                                                                     |
| 14    | 5 Teras Bagi Pelan Strategik Mpspk 2023 - 2027                                                                                                          |
| 15-23 | Teras Strategi 1<br><i>Memperkasa Tadbir Urus Yang Kompeten</i>                                                                                         |
| 24-30 | Teras Strategi 2<br><i>Kemakmuran Ekonomi</i>                                                                                                           |
| 31-36 | Teras Strategi 3<br><i>Memperkasakan Pembangunan Landskap, Kebersihan Dan Kesihatan Persekitaran</i>                                                    |
| 37-42 | Teras Strategi 4<br><i>Memperkasakan Penguatkuasaan Dan Undang-Undang</i>                                                                               |
| 43-45 | Teras Strategi 5<br><i>Mengintegrasikan Kesejahteraan Modal Insan Yang Kondusif Melalui Pembangunan Infra Dan Kemudahan Awam Yang Mampan Dan Pintar</i> |
| 46    | Komponen Pelan Tindakan Luas Pembangunan Pelan Strategik MPSPK 2023-2027                                                                                |
| 47    | Penutup                                                                                                                                                 |
| 48    | Penghargaan & Editorial                                                                                                                                 |

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum dan Salam Perbandaran Mampan dan Dinamik. Syukur Alhamdulillah, saya ingin merafakkan setinggi – tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin – Nya, Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) Tahun 2023 – 2027 berjaya diterbitkan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam merealisasikan penerbitan Buku Pelan Strategik MPSPK 2023 – 2027 yang akan menjadi kerangka bagi mengukuhkan lagi kualiti perkhidmatan MPSPK agar dapat berada pada tahap yang cemerlang dan sistematik dalam tempoh lima tahun akan datang.

Pelan Strategik MPSPK 2023 – 2027 merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik MPSPK 2018 – 2022 yang telah digubal semula secara menyeluruh berlandaskan pelan tindakan berorientasikan hala tuju bandar Sungai Petani dalam usaha mencipta dan membentuk budaya kerja cemerlang serta identiti organisasi terbilang. Pelan ini turut didukung dengan misi menjadikan Sungai Petani Perbandaran Mampan dan Dinamik. Dengan menerapkan lima (5) nilai bersama iaitu Mampan, Pintar, Sejahtera, Profesional dan Kondusif, pihak Majlis begitu bertekad untuk menyediakan Perkhidmatan Perbandaran yang Efisien kepada Warga Sungai Petani untuk Keharmonian, Kesejahteraan dan Keselamatan Bersama. Terdapat lima (5) teras utama yang telah dibangunkan dalam pelan ini berdasarkan aspirasi pemegang taruh dan warga kota untuk memperkukuhkan perkhidmatan secara holistik, pintar dan dinamik iaitu:

1. Memperkasakan tadbir urus yang kompeten.
2. Kemakmuran ekonomi.
3. Memperkasakan aktiviti penguatkuasaan untuk kesejahteraan warga Sungai Petani.
4. Mengintegrasikan kesejahteraan modal insan yang kondusif melalui pembangunan infra dan kemudahan awam yang mampan dan pintar.
5. Memperkasakan pembangunan landskap, kebersihan dan kesihatan persekitaran.
6. Bagi merealisasikan impian ini, saya menyeru semua pihak untuk bersama – sama menggembelng tenaga serta memberi fokus dalam usaha membangunkan bandar Sungai Petani yang lebih maju dan pesat.

Sekian, terima kasih.



**DATO' HAJI MUHAMAD AROF BIN DARUS,**  
DSDK., SDK., AMK., BCK

DATO' YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI

Pelan Strategik MPSPK 2023 - 2027 ini adalah merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik MPSPK 2018 - 2022 yang lalu.

Dokumen ini adalah merupakan rujukan utama kepada hala tuju MPSPK bagi tempoh lima (5) tahun akan datang dalam usaha mencipta dan membentuk budaya kerja cemerlang dan identiti organisasi terbilang.

Pelan strategik ini mensasarkan Sungai Petani sebagai sebuah perbandaran yang memberi perkhidmatan perbandaran yang efisien kepada warga Sungai Petani untuk keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan menjelang tahun 2027. Kejayaan pelaksanaan teras strategik ini didokong melalui amalan lima (5) nilai-nilai bersama yang sentiasa diamalkan oleh seluruh warga kerja MPSPK iaitu MAMPAN, PINTAR, SEJAHTERA, PROFESIONAL dan KONDUSIF.



Sejarah awal penubuhan sistem Kerajaan Tempatan di Sungai Petani bermula pada tahun 50-an lagi, iaitu ketika Ordinan Majlis Tempatan 1952 diluluskan dan di terimapakai. Kemudian dalam tahun 1953, Lembaga Bandaran Sungai Petani (“Sungai Petani Town Board”) untuk pentadbiran bandar Sungai Petani diwujudkan.

Pada 01 Ogos 1975, Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kuala Muda (MDKT. KM) ditubuhkan dengan meliputi kawasan Sungai Lalang, Jeniang, Merbok, Bukit Selambau, Bedong dan Gurun pada 01 Februari 1978, Majlis Daerah Kuala Muda (MDKM) diwujudkan bagi menggantikan MDKT.KM, berikutan kuatkuasanya Undang-Undang Kerajaan Tempatan Akta 124 (Peruntukan Sementara) dan telah diwartakan mengikut Sek. 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Penubuhan ini melibatkan Penguasa Tempatan Lembaga Bandaran yang dicantumkan seperti berikut :

- i) Majlis Bandaran Sungai Petani  
- Lembaga Bandaran Kuala Muda, Kota Kuala Muda, Padang Lembu, Semeling, Tanjung Dawai & Tikam Batu.
- ii) Majlis Tempatan Sungai Lalang, Jeniang, Merbok, Bukit Selambau, Bedong dan Gurun.
- iii) Majlis Daerah Kuala Muda (MDKM) dipertanggungjawabkan mentadbir keseluruhan kawasan Daerah Kuala Muda dari segi perancangan, kawalan bangunan, kesihatan, kemajuan projek dan pelesenan.



Sungai Petani telah dinaikkan taraf kepada Majlis Perbandaran pada 02 Julai 1994 bersamaan 22 Muharram 1415H dan perisytiharan ini telah disempurnakan oleh YAB Tan Seri Dato' Seri Haji Osman bin Haji Aroff.,PSM.,SSDK.,DHMS.,JMN.,JP – Menteri Besar Kedah Darul Aman ketika itu. Dengan kenaikan taraf ini, Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) dipertanggungjawabkan sepenuhnya terhadap kawalan pembangunan, pelesenan, perancangan, penyediaan kemudahan infrastruktur dan sebagainya bagi memastikan kemajuan pembangunan bandar dan kemakmuran hidup penduduk bandar Sungai Petani dan Kuala Muda amnya.





Daerah Kuala Muda terletak di pantai barat, utara Semenanjung Malaysia iaitu di bahagian tengah kira-kira 60KM dari Bandaraya Alor Star. Ia bersempadan dengan Daerah Yan dan Daerah Pendang di sebelah utara, Daerah Sik dan Baling di sebelah timur, serta Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Kulim di bahagian selatan. Kawasan pentadbiran MPSPK merangkumi seluruh Daerah Kuala Muda dimana luasannya 922.6 km/p dan ibu pejabat MPSPK terletak di bandar Sungai Petani dimana luasannya 41.1 km/p.

**MERAH**

Warna kebangsaan negeri Kedah, semangat bekerjasama dikalangan seluruh anggota MPSPK



**HIJAU**

Kesuburan alam sekitar yang perlu dipelihara dalam membangunkan kawasan Majlis



**HIJAU KUNING**

Identiti warna negeri Kedah



**POKOK / BANGUNAN**

Ke arah menjadikan Sungai Petani sebagai Bandar dalam taman



**BULATAN BERGERIGI**

Sebagai Bandar Industri



**JAM BESAR**

Mercu tanda bandar Sungai Petani






**MAJLIS PERBANDARAN  
SUNGAI PETANI KEDAH**

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

# CARTA ORGANISASI **MPSPK**



Memberi perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat di kawasan pentadbiran MPSPK yang merangkumi perkara-perkara berikut:





Pecahan kategori punca kuasa terbahagi kepada tiga seperti yang berikut:

## PUNCA KUASA



### PEMBANGUNAN

### MASYARAKAT

### PERNIAGAAN

- AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)
- AKTA PERANCANG BANDAR DAN DESA (AKTA 172)
- AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133)
- AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757)
- AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (AKTA 333)

01

### PEMBANGUNAN



#### UNDANG-UNDANG KECIL

- UUK Kerja Tanah (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2016
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984
- UUK Bangunan (Bayaran-Bayaran) MDKM 1989
- Kaedah Pengawalan Perancangan Am 1996
- Kaedah Lembaga Rayuan 1996
- Kaedah Caj Pemajuan 2015

02

### MASYARAKAT



#### UNDANG-UNDANG KECIL

- UUK (Taman) Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah 1983
- UUK Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) 1990 (MDKM)
- UUK Pelesenan Anjing (MPSP) 1995
- UUK Haiwan Merayau (MPSP) 2009
- UUK Vandalisme (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2018
- Perintah Kenderaan-Kenderaan Berat (Sekatan Penggunaan Jalan) (MPSP) 1996
- Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) (MPSP) 2007

03

### PERNIAGAAN



#### UNDANG-UNDANG KECIL

- UUK Pasar (MPSP) 1995
- UUK Pelesenan Establisymen Makanan (MPSP) 1995
- UUK Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MPSP) 1995
- UUK Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian (MPSP) 1995
- UUK Hotel (MPSP) 2009
- UUK Pelesenan Penjaja & Gerai (MPSP) 2009
- UUK Iklan (MPSP) 2010
- UUK Pasar Borong (PBT Negeri Kedah) 2019
- UUK Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan (PBT Negeri Kedah) 2019

01

KERAJAAN PERSEKUTUAN  
KERAJAAN NEGERI



02

AGensi KERAJAAN



03

PERTUBUHAN BUKAN  
KERAJAAN (NGO)



04

MASYARAKAT PENIAGA  
DAN SWASTA



05

WARGA KUALA MUDA  
DAN PEMBAYAR CUKAI





### **VISI**

SUNGAI PETANI PERBANDARAN MAMPAN DAN DINAMIK



### **MISI**

PERKHIDMATAN PERBANDARAN YANG EFISIEN KEPADA WARGA SUNGAI PETANI UNTUK KEHARMONIAN, KESEJAHTERAAN DAN KESELAMATAN BERSAMA

## **M - MAMPAN**

Mengekalkan pencapaian dan prestasi yang cemerlang

## **P - PINTAR**

Mahir, cekap dan cergas dalam melaksanakan semua bidang tugas

## **S - SEJAHTERA**

Perbandaran aman makmur dan terpelihara

## **P - PROFESIONAL**

Pelaksanaan urus tadbir yang cekap

## **K - KONDUSIF**

Keupayaan mencapai dan mendorong pencapaian perkhidmatan perbandaran yang sejahtera

Bagi merealisasikan visi dan misi yang digariskan, lima (5) teras strategik telah dikenal pasti iaitu :





# TERAS I

MEMPERKASA TADBIR URUS  
YANG KOMPETEN



| STRATEGI 1                                                    |                                                      | MEMPERKASA PENGURUSAN ADUAN DALAM KALANGAN JABATAN BAGI MEMPERCEPAT TEMPOH PENYELESAIAN ADUAN. |                          |                                                                             |
|---------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|
| PROGRAM                                                       | INDIKATOR SASARAN                                    | SASARAN<br>(BILANGAN/<br>PERATUSAN)                                                            | TAHUN/ TEMPOH<br>SASARAN | BAHAGIAN<br>BERTANGGUNG<br>JAWAB                                            |
| 1. Meningkatkan keprihatinan dan responsif terhadap pelanggan | Kadar aduan terhadap organisasi                      | Penyelesaian aduan 80% setiap tahun                                                            | 2023-2027                | Semua Jabatan                                                               |
| 2. Memastikan pemantauan terhadap aduan sentiasa dikemaskini  | Bilangan pengurusan mesyuarat <i>taskforce</i> aduan | 4 kali setahun                                                                                 | 2023-2027                | 1. Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat                                   |
| 3. Penambahbaikan sistem pengurusan aduan awam                | Bilangan penambahbaikan sistem                       | Sekali dalam tempoh 5 tahun                                                                    | 2023-2027                | 1. Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat<br>2. Bahagian Teknologi Maklumat |



| STRATEGI 2                                                                                                              |                          | MEMPERKASA PEMBUDAYAAN MESRA, INTEGRITI, CEKAP, AKAUNTABILITI DAN TELUS (MICAT)<br>DI DALAM ORGANISASI DAN MEWUJUDKAN PERSEKITARAN BEBAS RASUAH |                          |                                  |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|----------------------------------|
| PROGRAM                                                                                                                 | INDIKATOR SASARAN        | SASARAN<br>(BILANGAN/<br>PERATUSAN)                                                                                                             | TAHUN/ TEMPOH<br>SASARAN | BAHAGIAN<br>BERTANGGUNG<br>JAWAB |
| 1. Penganjuran program pengukuhan integriti dan anti rasuah kepada semua pegawai MPSPK.                                 | Bilangan program         | Satu program setahun                                                                                                                            | 2023 – 2027              | Bahagian Audit Dalam             |
| 2. Paparan hebahan informasi berkaitan integriti di pelbagai medium saluran bagi memberi kesedaran kepada semua pegawai | Bilangan bahan / hebahan | Sebulan sekali<br>(12 kali setahun)                                                                                                             | 2023 – 2027              | Bahagian Audit Dalam             |

| STRATEGI 3                                                                                                                                                    |                                                                                                           | PEMANTAPAN SISTEM KEWANGAN SEDIA ADA KE ARAH KEWANGAN DAN PERAKAUNAN DIGITAL BAGI MENINGKATKAN EFISIENSI DAN TADBIR URUS KEWANGAN |                       |                                                                                  |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|----------------------------------------------------------------------------------|
| PROGRAM                                                                                                                                                       | INDIKATOR SASARAN                                                                                         | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)                                                                                                     | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB                                                       |
| 1. Penambahbaikan modul pengurusan gaji kakitangan (termasuk elaun lebih masa, slip gaji <i>online</i> /penyata cukai pendapatan)                             | Bilangan modul yang dibangunkan                                                                           | 3 modul                                                                                                                           | 2023                  | 1. Jabatan Kewangan<br>2. Bahagian Teknologi Maklumat                            |
| 2. Pembangunan Sistem E-perolehan                                                                                                                             | Bilangan sistem yang dibangunkan                                                                          | 1 sistem                                                                                                                          | 2023 – 2025           | 1. Jabatan Kewangan<br>2. Jabatan Kejuruteraan<br>3. Bahagian Teknologi Maklumat |
| 3. Modul daftar bil secara <i>online</i>                                                                                                                      | Bilangan modul yang dibangunkan                                                                           | 1 modul                                                                                                                           | 2023-2024             | 1. Jabatan Kewangan<br>2. Bahagian Teknologi Maklumat                            |
| 4. Mengintegrasikan proses pembayaran elaun Ahli Majlis / ex-officio / pegawai dengan Sistem Pihak Berkuasa Tempatan sedia ada serta penyata cukai pendapatan | Bilangan proses integrasi antara Sistem Elaun Ahli Majlis dengan Sistem Pihak Berkuasa Tempatan sedia ada | 1 proses integrasi                                                                                                                | 2023-2024             | 1. Jabatan Kewangan<br>2. Bahagian Teknologi Maklumat                            |





| STRATEGI 3                                                                                                                                                                            |                                                                   | PEMANTAPAN SISTEM KEWANGAN SEDIA ADA KE ARAH KEWANGAN DAN PERAKAUNAN DIGITAL BAGI MENINGKATKAN EFISIENSI DAN TADBIR URUS KEWANGAN |                       |                                                       |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|-------------------------------------------------------|
| PROGRAM                                                                                                                                                                               | INDIKATOR SASARAN                                                 | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)                                                                                                     | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB                            |
| 5. Membangunkan Sistem Kewangan yang mematuhi <i>Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA)</i> & Piawaian <i>Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)</i> | Bilangan modul yang dibangunkan                                   | 1 modul                                                                                                                           | 2023-2025             | 1. Jabatan Kewangan<br>2. Bahagian Teknologi Maklumat |
| 6. Memberi latihan kepada kakitangan Jabatan Kewangan khusus dalam pematuhan semua pekeliling, arahan perbendaharaan dan piawaian umum.                                               | Bilangan program / kursus/ seminar/ bengkel mengikut bidang tugas | 2 kali setahun                                                                                                                    | 2023-2027             | 1. Jabatan Kewangan<br>2. Jabatan Khidmat Pengurusan  |



| STRATEGI 4                                     |                   | MEMPERKASAKAN PEMBUDAYAAN LATIHAN-LATIHAN YANG DIBERI AGAR MELAHIRKA<br>YANG KOMPETEN |                          |                                  |
|------------------------------------------------|-------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|----------------------------------|
| PROGRAM                                        | INDIKATOR SASARAN | SASARAN<br>(BILANGAN/ PERATURAN)                                                      | TAHUN/ TEMPOH<br>SASARAN | BAHAGIAN<br>BERTANGGUNG<br>JAWAB |
| 1. Bengkel kesedaran / motivasi                | Bilangan bengkel  | 2 bengkel setahun                                                                     | 2023 – 2027              | 1. Jabatan Khidmat<br>Pengurusan |
| 2. Memperbanyakkan<br><i>Hands-On-Training</i> | Bilangan kursus   | 4 Latihan setahun                                                                     | 2023 – 2027              | 1. Jabatan Khidmat<br>Pengurusan |



| STRATEGI 5                                                                                                                             |                                                                                                     | MEMANTAPKAN PENGURUSAN ORGANISASI BAGI MEMBENTUK BUDAYA KERJA KELAS PERTAMA DI KALANGAN KAKITANGAN |                          |                                                                |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|----------------------------------------------------------------|
| PROGRAM                                                                                                                                | INDIKATOR SASARAN                                                                                   | SASARAN<br>(BILANGAN/<br>PERATUSAN)                                                                | TAHUN/ TEMPOH<br>SASARAN | BAHAGIAN<br>BERTANGGUNG<br>JAWAB                               |
| 1. Pembangunan Pelan Strategik Sumber Manusia                                                                                          | Pelan Strategik Sumber Manusia siap disediakan / peratusan pematuhan Pelan Strategik Sumber Manusia | Pelaksanaan 5 tahun sekali / pematuhan 80%                                                         | 2023-2027                | 1. Bahagian Sumber Manusia<br>2. Seksyen Pemodenan Pentadbiran |
| 2. Kajian perjawatan melibatkan pengukuhan perjawatan merujuk kepada keperluan Majlis dan dasar semasa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) | Bilangan kajian                                                                                     | Satu kajian dalam tempoh 5 tahun                                                                   | 2023-2027                | 1. Bahagian Sumber Manusia<br>2. Seksyen Pemodenan Pentadbiran |
| 3. Penyusunan dan pelarasan semula deskripsi tugas dan semakan MyPortfolio                                                             | Semakan berkala deskripsi tugas dan MyPortfolio                                                     | 1 bengkel setiap 2 tahun                                                                           | 2023 – 2027              | 1. Bahagian Sumber Manusia<br>2. Seksyen Pemodenan Pentadbiran |



| STRATEGI 6                                                           |                   | MEMPERKASA CARA PEMBAYARAN <i>ONLINE</i> BAGI MEMUDAHKAN WARGA SUNGAI PETANI UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN |                          |                                  |
|----------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|----------------------------------|
| PROGRAM                                                              | INDIKATOR SASARAN | SASARAN<br>(BILANGAN/<br>PERATUSAN)                                                                   | TAHUN/ TEMPOH<br>SASARAN | BAHAGIAN<br>BERTANGGUNG<br>JAWAB |
| 1. Menaiktaraf <i>PBTPay</i> untuk bayaran sewaan, lesen dan kompaun | Bilangan modul    | 3 modul                                                                                               | 2023-2027                | 1. Bahagian Teknologi Maklumat   |
| 2. Membangunkan aplikasi untuk penambahan jenis bayaran              | Bilangan aplikasi | 1 aplikasi                                                                                            | 2024                     | 1. Bahagian Teknologi Maklumat   |



| STRATEGI 7                                                              |                                           | MEMANTAPKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KE ARAH TRANSFORMASI PENDIGITALAN |                          |                                  |
|-------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|--------------------------|----------------------------------|
| PROGRAM                                                                 | INDIKATOR SASARAN                         | SASARAN<br>(BILANGAN/<br>PERATUSAN)                              | TAHUN/ TEMPOH<br>SASARAN | BAHAGIAN<br>BERTANGGUNG<br>JAWAB |
| 1. Pelan Infrastruktur Pendigitalan                                     | Bilangan Pelan Infrastruktur Pendigitalan | 1 pelan                                                          | 2024                     | 1. Bahagian Teknologi Maklumat   |
| 2. Memperkasa kesiapsiagaan keselamatan siber                           | Bilangan laporan dikeluarkan              | 10 laporan                                                       | 2023-2027                | 1. Bahagian Teknologi Maklumat   |
| 3. Bengkel latihan ke arah transformasi pendigitalan                    | Bilangan latihan                          | Sekali setahun                                                   | 2023-2027                | 1. Bahagian Teknologi Maklumat   |
| 4. Mengintegrasikan sistem perkhidmatan digital secara bersepadu        | Bilangan sistem yang diintegrasikan       | 5 sistem dalam tempoh 5 tahun                                    | 2023-2027                | 1. Bahagian Teknologi Maklumat   |
| 5. Meningkatkan penggunaan teknologi <i>Smart Building System</i> (IOT) | Peratusan pelaksanaan sistem sepenuhnya   | 100%                                                             | 2023-2027                | 1. Bahagian Teknologi Maklumat   |



# TERAS 2

---

## KEMAKMURAN EKONOMI



| STRATEGI 1                                                                                                 |                                               | PENINGKATAN HASIL EKONOMI BERSEPADU                |                          |                                                 |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------|----------------------------------------------------|--------------------------|-------------------------------------------------|
| PROGRAM                                                                                                    | INDIKATOR SASARAN                             | SASARAN<br>(BILANGAN/<br>PERATUSAN)                | TAHUN/ TEMPOH<br>SASARAN | BAHAGIAN<br>BERTANGGUNG<br>JAWAB                |
| 1. Program Penilaian Semula<br>Cukai Taksiran :<br>i. Kediaman<br>ii. Komersial<br>iii. Komersial Industri | Kenaikan hasil cukai<br>taksiran              | Kenaikan 5% selepas<br>program penilaian<br>semula | 2023-2027                | 1. Jabatan Penilaian<br>dan Pengurusan<br>Harta |
| 2. Menjana hasil-hasil baru<br>Majlis                                                                      | Bilangan jenis hasil<br>baru                  | 2 hasil baru setahun                               | 2023-2027                | 1. Semua Jabatan                                |
| 3. Pembukaan kawasan baharu<br>bagi penguatkuasaan letak<br>kereta                                         | Pertambahan<br>bilangan petak letak<br>kereta | 50 petak letak kereta<br>setahun                   | 2023-2027                | 1. Seksyen Letak<br>Kereta                      |
| 4. Penggunaan gajet/sistem/<br>aplikasi dalam penguatkuasaan<br>letak kereta                               | Bilangan gajet/<br>sistem/ aplikasi           | 1 dalam setahun                                    | 2023-2027                | 1. Seksyen Letak<br>Kereta                      |



| STRATEGI 1                                                            |                                 | PENINGKATAN HASIL EKONOMI BERSEPADU                            |                             |                                                                        |
|-----------------------------------------------------------------------|---------------------------------|----------------------------------------------------------------|-----------------------------|------------------------------------------------------------------------|
| PROGRAM                                                               | INDIKATOR SASARAN               | SASARAN<br>(BILANGAN/<br>PERATUSAN)                            | TAHUN/<br>TEMPOH<br>SASARAN | BAHAGIAN<br>BERTANGGUNG<br>JAWAB                                       |
| 5. Digitalisasi dalam proses pembayaran kepada Majlis                 | % pembayaran secara atas talian | Peningkatan setiap tahun                                       | 2023-2027                   | 1. Bahagian Hasil                                                      |
| 6. Penggunaan ICT dalam kutipan hasil                                 | Bilangan teknologi              | 1 teknologi setahun                                            | 2023-2027                   | 1. Bahagian Teknologi Maklumat                                         |
| 7. Mempromosikan perkhidmatan sewa:<br>i. Kompleks Sukan<br>ii. Dewan | Peratus peningkatan hasil       | Kenaikan peningkatan hasil sebanyak 5% dalam tempoh lima tahun | 2023-2027                   | 1. Jabatan Pembangunan Masyarakat                                      |
| 8. Program penyediaan tapak niaga usahawan belia                      | Bilangan tapak yang disediakan  | 50 tapak / 5 tahun                                             | 2023-2027                   | 1. Jabatan Pembangunan Masyarakat<br>2. Jabatan Kesihatan Persekitaran |
| 9. Semakan kadar sewaan gerai                                         | % kenaikan kadar sewa           | Peningkatan hasil sewaan sebanyak 10%                          | 2023-2027                   | 1. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta                              |



| STRATEGI 1                                                                                                                                                         |                                       | PENINGKATAN HASIL EKONOMI BERSEPADU |                          |                                                                                                                                                       |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|-------------------------------------|--------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PROGRAM                                                                                                                                                            | INDIKATOR SASARAN                     | SASARAN<br>(BILANGAN/<br>PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH<br>SASARAN | BAHAGIAN<br>BERTANGGUNG<br>JAWAB                                                                                                                      |
| 10. Kolaborasi dengan agensi-<br>agensi dalam penguatkuasaan<br>kutipan hasil                                                                                      | Bilangan agensi                       | 1 agensi setahun                    | 2023-2027                | 1. Bahagian hasil                                                                                                                                     |
| 11. Pelupusan barangan<br>rampasan                                                                                                                                 | Bilangan program                      | 3 kali dalam tempoh 5<br>tahun      | 2023-2027                | 1. Jabatan<br>Penguatkuasaan                                                                                                                          |
| 12. Pendigitalan kaedah<br>permohonan baru lesen<br>perniagaan                                                                                                     | Bilangan lesen<br>perniagaan diproses | 500 setahun                         | 2023-2027                | 1. Bahagian Teknologi<br>Maklumat<br>2. Bahagian<br>Pelesenan                                                                                         |
| 13. National Blue Ocean<br>Strategy antara jabatan-jabatan<br>dalam penguatkuasaan kutipan<br>hasil cukai taksiran <i>billboard</i> ,<br>papan iklan dan lain-lain | Bilangan operasi                      | 2 kali setahun                      | 2023-2027                | 1. Bahagian Hasil<br>2. Jabatan Penilaian<br>dan Pengurusan<br>Harta<br>3. Jabatan<br>Perancangan<br>Bandar<br>Jabatan Bangunan<br>Bahagian Pelesenan |



| STRATEGI 1              |                                           | PENINGKATAN HASIL EKONOMI BERSEPADU |                          |                                                    |
